



JABATAN PERKHIDMATAN VETERINAR MALAYSIA

LAPORAN LIPUTAN MEDIA

Khamis, 14 Julai 2022	
1	MAFI giat promosi MAHA 2022
2	Merah 'reda' jadi korban
3	11 ekor lembu mati diseludup dari siam
4	Diskaun RM3 beli ayam di KL, Labuan
5	Pasang perangkap tangkap anjing liar
6	Ayam, telur dijual murah pada Jualan Rakyat MyGrocer@Wilayah
7	Semua ada tali hidung

DISEDIAKAN OLEH :
**SEKSYEN KOMUNIKASI KORPORAT,
JABATAN PERKHIDMATAN VETERINAR MALAYSIA**

MAFI giat promosi MAHA 2022

Dijadual berlangsung pada 4 hingga 14 Ogos dengan jangkakan 100,000 pengunjung setiap hari

Oleh **TUAN BUQHAIRAH TUAN MUHAMAD ADNAN PUTRAJAYA**



Peserta-peserta tidak melepaskan peluang berzumba sempena program promosi Larian MAHA 2022@ MAEPS, Serdang pada Rabu.

Menjelang penganjuran Pameran Pertanian, Hortikultur dan Agropelancongan Malaysia (MAHA) 2022, Kementerian Pertanian dan Industri Makanan (MAFI) terus mempergiatkan aktiviti promosi.

Terbaharu, program *Street Attack* dianjurkan di pekarangan Wisma Tani bagi mempromosikan Larian MAHA 2022 pada 23 Julai ini.

Timbalan Ketua Setiausaha (Pembangunan) MAFI, Datuk Badrul Hisham Mohd berkata, pelbagai aktiviti promosi lain turut diatur di seluruh negara, antaranya *Street Attack* Zon Sabah dan Sarawak, aktiviti berbasikal dari

Bachok ke Kota Bharu, Kelantan, konvoi menunggang vespa bersama media dari Pontian, Johor ke Plaza Angsana dan iklan Mass Rapid bagi publisiti MAHA.

"Kita tahu MAHA kali ini ditunggu-tunggu selepas empat tahun tiada penganjuran akibat pandemik Covid-19," katanya kepada pemberita selepas program *Street Attack* di Wisma Tani dekat

sini pada Rabu.

Menurutnya, kementerian mengambil langkah berjaga-jaga bagi memastikan penyebaran jangkitan Covid-19 tidak berlaku.

"Kapasiti lokasi tetap MAHA di Taman Ekspo Pertanian Malaysia Serdang (MAEPS) sebenarnya adalah tiga juga, namun kita hadkan kepada

sejuta pengunjung sepanjang 11 hari penganjurannya," jelasnya.

Beliau berkata, sekiranya perlu Kementerian akan menyediakan prosedur operasi standard (SOP) khusus sebagai langkah berjaga-jaga.

"Jawatankuasa kerja MAHA yang dipengerusikan oleh saya akan bermesyuarat pada Jumaat ini bagi melihat keperluan dan perkembangan penganjuran MAHA," ujarnya.

Badrul berkata, seiring dengan perkembangan semasa, MAHA mengetengahkan kepentingan industri makanan selaras dengan temanya 'Sekuriti Makanan Untuk Masa Depan'.

"Kita tidak lari daripada usaha MAFI untuk memberikan jaminan bekalan makanan kepada rakyat Malaysia," tambahnya.

Ujarnya, antara kelainan pada MAHA 2022 adalah penglibatan semua Kementerian.

"Semua menteri akan ada di MAHA setiap hari mengikut jadual yang telah ditetapkan," katanya.

MAHA 2022 dijadualkan berlangsung pada 4 hingga 14 Ogos dengan jangkakan 100,000 pengunjung setiap hari.

Perdana Menteri, Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob dijangka merasmikan ekspo tersebut pada 6 Ogos sempena Sambutan Hari Peladang.

Merah 'reda' jadi korban

KUBANG PASU - Seekor lembu sado daripada baka Brahman yang mesra dengan panggilan Merah seakan mengerti dan reda apabila haiwan itu dikorbankan pada malam hari raya kedua Aidiladha.

Pemilik yang juga penternak, Zainol Abidin Mohamad, 63, berkata, lembu kesayangannya itu tidak menunjukkan tingkah laku agresif malah hanya menurut ketika dibawa ke tempat penyembelihan di ladang yang sama.

Katanya, enam individu diperlukan untuk merebahkan Merah kerana fizikalnya yang besar dan tinggi dengan berat 960 kilogram.

"Alhamdulillah saya nampak Merah reda, kalau lembu lain sampai kena tarik dengan traktor, tetapi Merah mudah saja dan ikut arahan."

"Cuma saya yang sebak dan tak sampai hati tengok Merah, sedikit sebanyak saya tetap sedih sebab Merah sangat manja dengan saya," katanya ketika dihubungi di sini pada Rabu.



Merah menunggu masa untuk dikorbankan di ladang ternakan di Jalan Sintok, Kubang Pasu.



ANGGOTA JPV Terengganu menggunakan jentolak untuk melupuskan 11 bangkai lembu di tapak pelupusan sampah haram di Kampung Sungai Lekar, Kuala Nerus semalam.

Dibuang di tapak pelupusan sampah haram

11 ekor lembu mati diseludup dari Siam

Oleh **TENGGU DANISH BAHRI**
TENGGU YUSOFF

KUALA NERUS – Siasatan awal Jabatan Perkhidmatan Veterinar (JPV) Terengganu percaya 11 bangkai lembu yang dibuang di tapak pelupusan sampah haram di Sungai Lekar di sini sejak Sabtu lalu diseludup masuk dari Thailand.

Pegawai Perkhidmatan Veterinar Kuala Nerus, Norehan Ali berkata, semakan awal juga mendapati kesemua bangkai lembu yang dibuang tersebut tidak memiliki permit untuk dibawa masuk ke negara ini.

"Sebanyak 11 lembu ini dipercayai telah mati sewaktu dalam perjalanan ke negeri ini dari Kelantan. Berdasarkan maklumat, dalang cuba membuangnya di Pusat Pelupusan Sungai Ikan

di sini tetapi tidak memperoleh kebenaran.

"Sehubungan itu, dia bertindak membuang bangkai lembu-lembu itu di tepi sungai berhampiran Kampung Sungai Lekar," katanya ketika melakukan mengetuai siasatan di tapak pembuangan sampah haram berkenaan di sini semalam.

Norehan berkata, JPV Terengganu telah membuka kertas siasatan berhubung kes tersebut mengikut Seksyen 29(1)(e) Akta Kebajikan Haiwan 2015 (Akta 772).

Jelas beliau, pihaknya sedang giat mengesan pelaku bertanggungjawab bagi dibawa ke muka pengadilan.


"Kami juga telah mengambil sampel organ dalaman lembu-lembu terbabit untuk mengenalpasti punca kematian," katanya.

Dalam pada itu, Norehan berkata, anggota JPV negeri dengan kerjasama Majlis Bandaraya Kuala Terengganu (MBKT) telah melupuskan 11 bangkai lembu terbabit mengikut prosedur sebenar.

Jelas beliau, ia bertujuan bagi mengelak isu berbangkit seperti bau busuk dan ancaman kesihatan kepada penduduk setempat.

Kosmo! kelmarin melaporkan kegirangan seorang lelaki untuk mengisi masa lapang dengan memancing terbantut apabila terserempak dengan 11 bangkai lembu di tepi sungai berhampiran Kampung Sungai Lekar pada Sabtu lalu.

Pemancing terbabit percaya lembu tersebut telah mati di kawasan tempat lain sebelum bangkainya dibuang di kawasan pembuangan sampah haram terbabit.



HARGA istimewa itu ditawarkan menerusi Program Jualan Rakyat Mygrocer@Wilayah hari ini.

Program ini ditawarkan selama enam bulan

Diskaun RM3 beli ayam di KL, Labuan

Oleh MOHD. HUSNI MOHD. NOOR

PUTRAJAYA – Penduduk Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur dan Labuan akan menikmati tawaran ayam segar dengan diskaun RM3 seekor selain menikmati potongan 50 sen dengan setiap pembelian 10 biji telur ayam gred B.

Itu antara harga menarik barangan keperluan yang ditawarkan menerusi Program Jualan Rakyat Mygrocer@Wilayah yang akan dilancarkan hari ini

Menteri Wilayah Persekutuan, Datuk Seri Shahidan Kassim berkata, program selama enam bulan itu dianjurkan dengan kerjasama Dewan Bandaraya Kuala Lumpur, Perbadanan Labuan dan Yayasan Wilayah Persekutuan.

Bellau berkata, Program Jua-

lan Rakyat Mygrocer@Wilayah menawarkan barangan keperluan asas seperti ayam, ikan, sayur-sayuran dan barangan makanan kering pada harga lebih rendah daripada harga siling ditetapkan kerajaan.

"Program ini memfokuskan kepada jualan barangan sumber protein utama bersubsidi iaitu ayam dan telur ayam agar rakyat dapat berbelanja pada harga yang lebih rendah.

"Program ini akan dilaksanakan di setiap Projek Perumahan Rakyat (PPR) dan Perumahan Awam (PA) di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, manakala di kedai-kedai yang dikenal pasti di Labuan melibatkan peruntukan berjumlah RM3.48 juta," katanya menerusi kenyataan akhbar semalam.

Katanya, program itu akan di-

lancarkan hari ini di PA Sri Johor, Kuala Lumpur.

Shahidan berkata, lebih 147,000 penduduk di 61 buah PPR dan PA di Kuala Lumpur serta 19,000 penduduk dari kumpulan B40 di Labuan bakal menerima manfaat menerusi program ini.

Menurutnya, setiap penerima manfaat mestilah terdiri daripada warganegara Malaysia sahaja. "Malah, melalui program ini, setiap isi rumah dapat menjimatkan kos perbelanjaan barangan dapur sehingga 14.29 peratus bagi setiap pembelian satu ekor ayam dan 10 biji telur," ujarnya.

Katanya, kerajaan serta Kementerian Wilayah Persekutuan komited mencari pelbagai kaedah untuk meringankan beban ekonomi Keluarga Malaysia dan mengurangkan kesan inflasi kepada rakyat secara umumnya.

MBMB turut keluarkan 300 notis arahan kepada pemilik anjing tanpa lesen

Pasang perangkap tangkap anjing liar

Oleh DIYANATUL ATIQAH ZAKARYA

MELAKA – Kebimbangan lebih 2,000 penduduk di Taman Semabok Perdana di sini terhadap ancaman anjing liar di kawasan itu semakin kurang apabila Majlis Bandaraya Melaka Bersejarah (MBMB) kini memasang sangkar perangkap haiwan itu.

Malah, pihak berkuasa tempatan (PBT) itu turut mengeluarkan 300 notis terhadap penduduk yang memelihara anjing tanpa lesen di taman berkenaan.

Ahli Dewan Undangan Negeri Duyong, Mohd. Noor Helmy Abdul Halem berkata, MBMB turut memantau kemunculan anjing liar yang semakin meningkat di kawasan terbabit.

"MBMB telah meletakkan beberapa perangkap di kawasan perumahan bagi menangkap an-



KERATAN Kosmo! semalam.

jing-anjing liar.

"PBT juga ada menjalankan kerjasama dengan pencinta haiwan bagi membendung isu anjing liar ini seperti mengadakan Program Kumbiri Anjing dan Kucing serta Program Anjing Angkat.

"Untuk rekod sejak awal tahun hingga Jun lalu, sebanyak 461 ekor anjing telah ditangkap oleh pasukan MBMB," katanya ketika dihubungi Kosmo! semalam.

Beliau berkata demikian bagi mengulas laporan Kosmo! mengenai kerisauan lebih 2,000 penduduk Taman Semabok Per-

dana terhadap ancaman puluhan anjing liar sehingga terpaksa menghalang anak-anak daripada bermain di padang permainan.

Menurut beliau, pihaknya telah menerima maklumat mengenai seorang peniaga parah akibat dirempuh seekor anjing di taman itu awal bulan ini.

"Hasil pemeriksaan MBMB, anjing yang terlibat dalam kes itu adalah haiwan peliharaan sebuah keluarga yang tak berlesen.

"Susulan itu pihak MBMB telah mengeluarkan notis 300 notis dan memberi tempoh masa 14 hari kepada pemilik untuk memohon lesen.

"Jika ingkar, tindakan boleh diambil di bawah Undang-undang Kecil Pelesenan Anjing. Sabit kesalahan boleh didenda tidak melebihi RM2,000 atau penjara maksimum satu tahun atau kedua-dua sekali," ujarnya.



SALAH satu perangkap anjing liar yang dipasang di kawasan perumahan di Taman Semabok Perdana, Melaka semalam.

Kuala Lumpur: Warga Wilayah Persekutuan berpeluang berbelanja barangan keperluan asas termasuk ayam dan telur ayam pada harga lebih rendah daripada harga siling ditetapkan melalui Jualan Rakyat MyGrocer@Wilayah yang berlangsung enam bulan bermula hari ini.

Menteri Wilayah Persekutuan, Datuk Seri Dr Shahidan Kassim berkata, program yang menawarkan barangan asas lain seperti ikan, sayur-sayuran dan

Ayam, telur dijual murah pada Jualan Rakyat MyGrocer@Wilayah

makanan kering itu akan dilaksanakan di setiap Projek Perumahan Rakyat (PPR) dan Perumahan Awam (PA) di ibu negara bermula hari ini di PA Sri Johor di sini, membatik peruntukan berjumlah RM3.48 juta.

Sementara di Labuan, jualan akan dilaksanakan di kedai terpilih, katanya.

"Setiap penerima manfaat mesti terdiri daripada warganegara Malaysia. Mereka dapat menikmati pembelian seekor ayam dengan kadar subsidi RM3 seekor serta dapat berjimat 50 sen apabila membeli 10 biji telur ayam Gred B.

"Melalui program ini, setiap isi rumah dapat men-

jimatkan kos perbelanjaan barangan dapur hingga 14.29 peratus bagi setiap pembelian satu ekor ayam dan 10 biji telur," katanya dalam kenyataan, semalam.

Shahidan berkata, kira-kira 147,000 penduduk di 61 PPR dan PA di Kuala Lumpur serta 19,000 penduduk

daripada kumpulan B40 di Labuan bakal menerima manfaat menerusi program itu.

Di Kuala Lumpur, katanya, jualan masih berkesepakan MyGrocer@Wilayah iaitu penjualan barangan keperluan asas dan makanan kering secara terus daripada pembekal ke kawa-

san perumahan manakala di Labuan, Program Jualan Rakyat itu akan dilaksanakan melalui peruncit yang dikenal pasti Perbadanan Labuan.

Beliau berkata, inisiatif itu juga antara usaha kerajaan membantu meredakan beban ekonomi Keluarga Malaysia serta mengurangkan kesan inflasi.

"Semoga pelaksanaan program ini dapat meredakan beban kos sara hidup terutama dalam kalangan B40 di Wilayah Persekutuan," katanya.

Jabatan Perkhidmatan Veterinar Negeri Terengganu (JPVNT) sudah selesai mengambil sampel bagi mengenal pasti punca kematian 11 lembu yang ditemukan di sebuah kawasan terbiar di Kampung Sungai Lekar di sini, Sabtu lepas.

Pengarah JPVNT Dr Anun Man berkata untuk tujuan pengesanan racun, pihaknya melakukan persampelan bagi isi kandungan rumen yang dipercayai makanan terakhir ternakan iaitu rumput kering, terhadap tiga daripada 11 lembu tersebut.

"Bagi tujuan pengesanan penyakit pula, lima sampel tulang panjang kaki belakang metatarsal turut diambili. Semua sampel ini dihantar ke Makmal Veterinar Zon Timur di Kota Bharu, Kelantan," katanya.

Semalam, Bernama melaporkan bangkai 11 ekor lembu dalam keadaan berulat, sudah kembung dan dihurungi alat ditemukan pada Sabtu lalu di kawasan terbiar di Kampung Sungai Lekar di sini, dipercayai dibuang oleh pihak yang tidak bertanggungjawab.

Dalam pada itu, Dr Anun



Semua ternakan mempunyai tali hidung manakala dua ekor dengan keadaan kaki belakang terikat kepada pokok dipercayai digunakan oleh suspek bagi memindahkan 11 haiwan tersebut dari kenderaan ke tempat kejadian?"

Dr Anun

BANGKAI LEMBU DI KAWASAN TERBIAR

Semua ada tali hidung



SEBANYAK 11 ekor lembu ditemui mati dan sudah berulat dipercayai dibuang pihak tidak bertanggungjawab di sebuah kawasan terbiar di Kampung Sungai Lekar.

berkata, pihaknya mendapati 11 bangkai lembu tersebut adalah lembu jantan baka Brahman Siam dewasa berumur anggaran tiga tahun.

Beliau berkata, semua haiwan ternakan tersebut didapati mempunyai tag atau tanda pada telinga dan pihaknya sedang menyasat lokasi asal lembu tersebut berada sebelum dibawa ke

tempat kejadian.

"Semua ternakan ada tali hidung manakala dua ekor dengan keadaan kaki belakang terikat kepada pokok dipercayai digunakan suspek bagi memindahkan 11 haiwan dari kenderaan ke tempat kejadian," katanya.

Sehubungan itu katanya, kes disiasat di bawah Seksyen 29 (1) (e) Akta Kebajikan

Haiwan 2015 (Akta 772) bagi kesalahan dengan kejahannya atau secara tidak munasabah membuat atau meninggalkan untuk melakukan apa-apa perbuatan, menyebabkan kesakitan atau penderitaan yang tidak sepatutnya kepada lembu.

"JPVNT memohon orang ramai yang mempunyai maklumat mengenai kejadi-

an ini supaya tampil membantu siasatan di talian 09-6221 822," katanya.

Terdahulu, Pegawai Perkhidmatan Veterinar Daerah Kuala Nerus Norehan Ali berkata operasi pelupusan dengan cara menanam bangkai 11 lembu tersebut selesai dilakukan JPV Kuala Nerus dengan kerjasama Majlis Ban-

daraya Kuala Terengganu.

"Proses pelupusan yang bermula jam 9.30 pagi hingga 11.30 pagi semalam di-

jalankan bagi mengelak peningkatan risiko penularan penyakit berjangkit dalam kalangan ternakan tempatan," katanya kepada pemberita selepas proses pelupusan bangkai lembu tersebut.

